



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**PEKELILING KEMASUKAN  
KE UNIVERSITI AWAM (UA),  
POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI (KK)  
& MARA BAHAGIAN PENDIDIKAN  
TINGGI (MARA BPT)  
SESI AKADEMIK 2025/2026**

**PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM**



# ISI KANDUNGAN

<b>1. PENYELARASAN PENGAMBILAN</b>	<b>2</b>
Program Pengajian UA, Politeknik, KK Dan MARA BPT	<b>3</b>
<b>2. SYARAT KEMASUKAN</b>	<b>4</b>
Syarat Am Kemasukan	<b>4</b>
Syarat Khas Kemasukan	<b>6</b>
<b>3. BAYARAN PROSES UPUONLINE®</b>	<b>6</b>
<b>4. PERMOHONAN</b>	<b>6</b>
Kategori Permohonan	<b>7</b>
Fasa Permohonan	<b>8</b>
Fasa Pengemaskinian	<b>10</b>
Slip Permohonan	<b>10</b>
Lupa Kata Laluan	<b>11</b>
<b>5. PEMROSESAN DAN PEMILIHAN</b>	<b>11</b>
Penentuan Aliran Kategori SPM	<b>11</b>
Dasar & Kriteria Pemilihan	<b>12</b>
Markah Kokurikulum	<b>13</b>
Pengiraan Markah Merit	<b>13</b>
Proses Pemilihan	<b>15</b>
<b>6. HEBAHAN</b>	<b>15</b>
Surat Tawaran	<b>17</b>
<b>7. RAYUAN</b>	<b>17</b>
<b>8. TARIKH-TARIKH PENTING</b>	<b>18</b>
<b>CONTOH PENGIRAAN MARKAH MERIT</b>	<b>19</b>

**PEKELILING KEMASUKAN KE  
PROGRAM PENGAJIAN ASASI, SIJIL, DIPLOMA DAN IJAZAH  
SARJANA MUDA DI UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ  
KOMUNITI (KK) DAN MARA BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI (MARA  
BPT) BAGI LEPASAN SPM SESI AKADEMIK 2025/2026**

---

**PENYELARASAN PENGAMBILAN**

- 1.1 Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT) menyelaraskan **permohonan, pemprosesan, pemilihan dan hebahan** kemasukan ke Program Pengajian Lepas SPM bagi **Ambilan Julai** sahaja seperti berikut:

**18 UNIVERSITI AWAM (UA)**

1. **Universiti Malaya (UM)**
2. **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
3. **Universiti Putra Malaysia (UPM)**
4. **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
5. **Universiti Utara Malaysia (UUM)**
6. **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**
7. **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
8. **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**
9. **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**
10. **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**
11. **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**
12. **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
13. **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**
14. **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**
15. **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**
16. **Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**
17. **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**
18. **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**

## POLITEKNIK

36 Politeknik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak:

1. 3 Politeknik Premier
2. 28 Politeknik Konvensional dan
3. 5 Politeknik METrO

## KOLEJ KOMUNITI (KK)

106 Kolej Komuniti di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

## MARA BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI (MARA BPT)

MARA Bahagian Pendidikan Tinggi (MARA BPT)

- i. Kolej Profesional MARA (KPM)
- ii. Kolej MARA (KM)

## Program Pengajian UA, Politeknik, KK Dan MARA BPT

- 1.2 Program berikut adalah **dikhaskan** untuk **berketurunan Melayu, Anak Negeri Sabah, Anak Negeri Sarawak dan Orang Asli Semenanjung** sahaja:
1. Semua program pengajian di UiTM;
  2. Asasi UIAM;
  3. Asasi Sains UM;
  4. Asasi Sains Sosial UM;
  5. Asasi UNIMAS;
  6. Asasi UMS;
  7. Asasi UniSZA; dan
  8. Semua program pengajian/kursus yang ditawarkan oleh MARA BPT (KPM & KM).
- 1.3 Program-program berikut terbuka kepada **semua pemohon yang berkelayakan**:
1. Asasi Pengajian Islam UM;
  2. Asasi Pengajian Islam dan Sains UM;
  3. ASASIpintar UKM;
  4. Asasi Sains Pertanian dan Diploma UPM;
  5. Asasi Sains UMK;

6. Diploma UMS;
7. Asasi Pengurusan UUM;
8. Diploma UPSI;
9. Diploma UTHM;
10. Diploma UTeM;
11. Diploma UniMAP;
12. Asasi STEM dan Diploma UMT;
13. Diploma UMPSA;
14. Tamhidi USIM;
15. Diploma UniSZA;
16. Asasi dan Diploma UPNM;
17. Asasi Teknologi Kejuruteraan Politeknik; **KEMASKINI**
18. Diploma Politeknik
19. Diploma Kolej Komuniti; dan
20. Sijil Kolej Komuniti.

## SYARAT KEMASUKAN

- 2.1 Semua program pengajian yang ditawarkan oleh UA, Politeknik, KK dan MARA BPT bagi sesi akademik 2025/2026 boleh didapati dalam **UPUWeb** dengan melayari pautan URL seperti berikut:

<https://upu.mohe.gov.my>

- 2.2 Calon boleh mendapatkan maklumat berkenaan **Syarat Am dan Syarat Khas** program pengajian yang telah ditetapkan serta maklumat lain yang disediakan.

### Syarat Am Kemasukan

- 2.3 Hanya **Warganegara Malaysia yang mempunyai Nombor Kad Pengenalan/ MyKad** sahaja yang layak mengemukakan permohonan.

#### a) Kelayakan SPM untuk Kemasukan ke UA

##### i. Asasi

Calon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- **LIMA (5)** kepujian termasuk Bahasa Melayu; dan

- Lulus dalam mata pelajaran Sejarah.

ii. **Diploma**

Calon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- **TIGA (3)** kepujian termasuk Bahasa Melayu; dan
- Lulus dalam mata pelajaran Sejarah.

**b) Kelayakan SPM untuk Kemasukan ke Politeknik/ Kolej Komuniti**

i. **Asasi**

Calon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- **LIMA (5)** kepujian termasuk Bahasa Melayu; dan
- Lulus dalam mata pelajaran Sejarah.

ii. **Diploma**

Calon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- **TIGA (3)** kepujian; dan
- Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

iii. **Sijil BAHARU**

Calon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- **SATU (1)** kepujian; dan
- Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

**c) Kelayakan SPM untuk Kemasukan ke MARA BPT KEMASKINI**

i. **Asasi**

Calon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- **LIMA (5)** kepujian termasuk Bahasa Melayu; dan
- Lulus dalam mata pelajaran Sejarah.

ii. **Diploma**

Calon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

- Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

- 2.4. Calon perlu memenuhi syarat-syarat khas pengajian program pengajian seperti yang dinyatakan dalam **SYARAT KHAS PROGRAM** dalam **e-Panduan** Permohonan Kemasukan ke UA, Politeknik, KK dan MARA BPT bagi program pengajian Lepas SPM.

### BAYARAN PROSES UPUONLINE®

- 3.1 Calon **perlu** membeli No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan UPUOnline®.
- 3.2 Pembelian No. Pin UPUOnline® hanya melalui Ejen Pemungut BKPA JPT iaitu Bank Simpanan Nasional (BSN).
- 3.3 Harga pembelian No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) yang dikenakan adalah **RM10.60** (termasuk caj perkhidmatan BSN RM 0.60).
- 3.4 Pembelian No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) boleh dibuat melalui:
- TIGA (3)** kaedah seperti berikut:
    - Kaunter BSN;
    - Mesin Automated Teller Machine (ATM);
    - Internet Banking (myBSN);
  - Pembelian melalui kaedah i.(b) & i.(c) perlu ada Akaun GIRO BSN.

**NOTA:** Sebarang pindaan tertakluk dari semasa ke semasa.

### PERMOHONAN

- 4.1 **Fasa Permohonan** akan **dibuka** seperti berikut:
- Fasa Pertama : **10 Februari 2025 jam 12:00 tengah hari** hingga **14 Mac 2025 jam 05:00 petang**.

ii) Fasa Kedua : 14 April 2025 jam 12:00 tengah hari hingga 16 Mei 2025 jam 05:00 petang.

- 4.2 Calon Lulusan SPM diwajibkan untuk mengemukakan permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, KK dan MARA BPT melalui Sistem UPUOnline® di <https://upu.mohe.gov.my>.
- 4.3 Calon dinasihatkan membaca terlebih dahulu panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mengelakkan calon memilih program yang tidak melepasi syarat khas program pengajian.

Gambar Rajah 1 : Panduan Permohonan Sesi Akademik 2025/2026



### Kategori Permohonan

- 4.4 Permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, KK dan MARA BPT bagi program pengajian Lulusan SPM sesi akademik 2025/2026 dibuka untuk kategori berikut:



- i. **Kategori A** : Pemohon menggunakan SPM tahun semasa.  
**(Kelayakan SPM Tahun 2024 sahaja);**
  
- ii. **Kategori B** : Pemohon menggunakan keputusan SPM dua tahun sebelum :  
tahun semasa.  
**(Kelayakan SPM Tahun 2023 & 2022 sahaja);**

## Fasa Permohonan

- 4.5 Permohonan UPUOnline® dibuka dalam **dua (2)** fasa iaitu **Fasa Permohonan Pertama** dan **Fasa Permohonan Kedua**.
- 4.6 Calon dikehendaki mencipta akaun pengguna UPUOnline® sebelum mengemukakan permohonan.
- 4.7 Calon boleh daftar masuk dengan menggunakan Nombor Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah dimasukkan semasa mencipta akaun pengguna.
- 4.8 Calon boleh mengemukakan permohonan dalam mana-mana fasa permohonan.
- 4.9 Calon wajib memasukkan **LIMA (5) item** berikut untuk mencipta **akaun pengguna**:-
  - a) No Kad Pengenalan
  - b) Alamat e-mel
  - c) Nama Ibu
  - d) Kata Laluan
  - e) Soalan Keselamatan
- 4.10 Calon wajib memasukkan **LIMA (5) item** berikut untuk mengemukakan **permohonan kali pertama**:-
  - a) No. Kad Pengenalan semasa pendaftaran peperiksaan
  - b) No. Pin UPUOnline®
  - c) Jenis Permohonan
  - d) Program Pengajian
  - e) Kategori

- 4.11 Terdapat **12 pilihan program pengajian**. Calon **wajib** memilih **enam (6) pilihan program pengajian**. Program pengajian bukan bertemu duga dan/atau ujian boleh dipilih pada pilihan 1 hingga 12. Jika calon berminat dengan program pengajian bertemu duga dan/atau ujian, calon boleh mengemukakan pilihan pada **Pilihan 1 hingga 4 sahaja**. Bagi **program pengajian pendidikan** pula, hanya pada **Pilihan 1 hingga 2 sahaja**.
- 4.12 **Semua program pengajian yang bertemu duga dan/atau ujian hanya dibuka** untuk pemilihan semasa **Fasa Permohonan Pertama** sahaja.
- 4.13 Tiada tapisan pilihan program pengajian yang melepasi Syarat Khas program pengajian dilaksanakan. Pilihan program pengajian yang dipaparkan adalah semua program pengajian yang ditawarkan bagi kategori berkenaan.
- 4.14 Pilihan program pengajian bagi calon Lulusan SPM dibuka dalam UPUOnline® pada **10 Februari hingga 14 Mac 2025 (Fasa Permohonan Pertama)** dan **14 April hingga 18 Mei 2025 (Fasa Permohonan Kedua)**.
- 4.15 Calon hanya boleh memilih pilihan program pengajian yang dibuka mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh UA, Politeknik, KK dan MARA BPT.
- 4.16 Semua program pengajian yang bertemu duga dan/atau ujian ditandakan dengan **tanda (#) pada akhir nama program pengajian** dalam UPUOnline®.
- 4.17 Medan maklumat penting yang wajib diisi oleh calon ditandakan dengan tanda (\*). Manakala tanda (\*\*) adalah merujuk kepada wajib mengisi salah satu medan maklumat.
- 4.18 Calon boleh mengemaskini maklumat tanpa had sehingga tarikh tutup permohonan.
- 4.19 Calon wajib klik butang “**Simpan**” bagi memastikan maklumat permohonan telah selamat diterima oleh sistem. **Slip Permohonan UPUOnline®** yang dicetak atau disimpan dalam bentuk *softcopy*, boleh dijadikan bukti bahawa calon telah berjaya mengemukakan permohonan.
- 4.20 Notifikasi akan dipaparkan jika calon keluar daripada Sistem UPUOnline® tanpa menekan butang “**Simpan**”.
- 4.21 Notifikasi sistem tamat sesi akan dipaparkan, jika calon tidak membuat sebarang transaksi selepas 15 minit.

## Fasa Pengemaskinian

- 4.22 Fasa Pengemaskinian akan **dibuka** mulai **minggu kedua Mei 2025 pada jam 12.00 tengah hari hingga jam 5.00 petang**.
- 4.23 Calon boleh mengemaskini maklumat tanpa had sehingga tarikh tutup permohonan.
- 4.24 Pengemaskinian pilihan program pengajian bagi calon Lulusan SPM dibenarkan mengikut tempoh kemas kini permohonan UPUOnline®.
- 4.25 Program pengajian bertemu duga dan/atau ujian yang dipilih semasa Fasa Permohonan perlu dikemas kini kepada program pengajian lain semasa Fasa Pengemaskinian **sekiranya calon tidak melepasi syarat khas program pengajian atau tidak dipanggil temu duga dan/ atau ujian**.

## Slip Permohonan

- 4.26 Setelah klik butang “**Simpan**” dalam halaman terakhir UPUOnline®, pernyataan “**Terima Kasih! Permohonan Anda Telah Diterima Oleh Sistem**” akan dipaparkan.
- 4.27 Maklumat lengkap permohonan boleh dicetak dan dimuat turun melalui pautan “**Cetak Slip**” dan “**Muat Turun Slip**”. Sekiranya calon berjaya mengemukakan permohonan, UPUOnline® akan memaparkan Slip Permohonan dengan maklumat seperti berikut:
- i. Tarikh dan Masa Permohonan;
  - ii. No. Rujukan Permohonan;
  - iii. Nama, No. Kad Pengenalan dan Kategori Calon;
  - iv. Pilihan Program Pengajian;
  - v. Tarikh kemaskini pilihan program pengajian;
  - vi. Tarikh-tarikh penting hebahan dan panggilan temu duga dan/atau ujian;
  - vii. Tarikh Fasa Pengemaskinian;
  - viii. Catatan; dan
  - ix. Pernyataan Khas

## Lupa Kata Laluan

- 4.28 Sekiranya calon **lupa Kata Laluan** yang diisi semasa mengemukakan permohonan bagi tujuan pengemaskinian, calon boleh mendapatkan **Kata Laluan** dengan klik pautan '**Lupa Kata Laluan**'.
- 4.29 Calon juga boleh mendapatkan **Kata Laluan** dengan menjawab beberapa soalan keselamatan sebelum Kata Laluan diberikan kepada calon dan **Kata Laluan** turut diemel kepada calon menggunakan emel yang telah didaftarkan.

## PEMROSESAN DAN PEMILIHAN

- 5.1 Calon yang telah memilih **program pengajian bertemu duga dan/atau ujian** (program pengajian yang mempunyai tanda #) akan diproses dan dihantar kepada UA, Politeknik, KK dan MARA BPT untuk pemilihan. Calon akan dipanggil untuk menghadiri temu duga dan/atau ujian pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan.
- 5.2 **Surat panggilan temu duga dan/atau ujian akan dikeluarkan oleh UA, Politeknik, KK dan MARA BPT melalui laman sesawang masing-masing.** Alamat URL UA, Politeknik, KK dan MARA BPT yang terlibat akan turut dipaparkan di laman sesawang <http://upu.mohe.gov.my>.

## Penentuan Aliran Kategori SPM

- 5.3 Penentuan Aliran bagi **calon SPM Kategori A dan Kategori B** adalah berdasarkan kepada **pakej mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)** seperti berikut:

### a) Pakej STEM

<b>Pakej STEM A</b>	Mengambil semua mata pelajaran sains tulen iaitu Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan.
<b>Pakej STEM B</b>	Mengambil mana-mana dua (2) mata pelajaran sains tulen dan Matematik Tambahan dan sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran elektif STEM sains gunaan dan teknologi atau mata pelajaran bukan elektif STEM.
<b>Pakej STEM C</b>	Mengambil sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran elektif STEM sains gunaan dan teknologi atau mengambil mana-mana satu (1) Mata Pelajaran Vokasional (MPV).

### b) Pakej Sastera dan Kemanusiaan

- I. Murid mengambil gabungan mata pelajaran elektif yang terdiri daripada kumpulan elektif Bahasa, Pengajian Islam, Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas dan/ atau satu mata pelajaran elektif STEM (kecuali MPV).
- II. Mana-mana calon yang tidak memenuhi syarat Pakej STEM.

## Dasar & Kriteria Pemilihan

- 5.4 Dasar pemilihan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan menggunakan **90% markah akademik** dan **10% markah kokurikulum**.
- 5.5 Kriteria pemilihan kemasukan adalah seperti berikut:-
- a) Pencapaian akademik dalam peperiksaan SPM;
  - b) Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum;
  - c) Kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian dipohon;
  - d) Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan;
  - e) Memenuhi syarat khas seperti yang ditetapkan oleh IPTA dan MARA BPT;

- f) Lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan;
- g) Program pengajian pilihan calon mengikut keutamaan; dan
- h) Bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA dan MARA BPT.

## Markah Kokurikulum

5.6 Markah kokurikulum 10% bagi calon sekolah Lulusan SPM akan diselaraskan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (BSKK, KPM).

## Pengiraan Markah Merit

### 5.7. Pemberian Markah Akademik

- Nilai Gred Mata Pelajaran bagi tujuan pengiraan markah akademik adalah seperti berikut:


GRED	NILAI GRED
A+	18
A	16
A-	14
B+	12
B	10
C+	8
C	6
D	4
E	2
G	0

5.8. Kaedah Pengiraan **Markah Merit** bagi calon **SPM Kategori A dan Kategori B** adalah seperti berikut:

<b>Markah Akademik (90%)</b>	=	[(Markah MP Universal + Markah MP Pakej + Markah MP Terbaik Lain) / 80] * 90
<b>Markah Kokurikulum (10%)</b>	=	Mengguna pakai markah yang dibekalkan oleh BSKK KPM
<b>Markah Merit</b>	=	<b>Markah Akademik + Markah Kokurikulum</b>

5.9. Kaedah Pengiraan **Markah Merit Kategori B** bagi calon yang memiliki **SPM Tahun 2023 dan 2022** adalah sama seperti kaedah pengiraan markah merit bagi **SPM Kategori A**.

**Gambar Rajah 1: Kaedah Pengiraan Merit Lepas SPM ( Kategori A & B)**



## Proses Pemilihan

- 5.10. Calon akan disusun mengikut kedudukan berdasarkan **markah merit yang paling tinggi hingga yang paling rendah**.
- 5.11. Proses pemilihan dilaksanakan secara berkomputer dengan pengesahan pemilihan oleh semua institusi/ agensi. Pemprosesan pemilihan seperti berikut:
- Calon ditawarkan berdasarkan merit, memenuhi Syarat Am & Khas program pengajian, kekosongan tempat, diperaku temu duga dan/atau ujian (jika berkenaan) dan keutamaan pilihan calon.
  - Calon disusun berdasarkan markah merit paling tinggi hingga paling rendah.

**Gambar Rajah 2: Gambaran Pemprosesan Pemilihan**

Merit	PIL. 1	PIL. 2	PIL. 3	PIL. 4	PIL. 5	PIL. 6	PIL. 7	PIL. 8	PIL. 9	PIL. 10	PIL. 11	PIL. 12	JAYA
000103													PIL. 12
	PIL. 1	PIL. 2	PIL. 3	PIL. 4	PIL. 5	PIL. 6	PIL. 7	PIL. 8	PIL. 9	PIL. 10	PIL. 11	PIL. 12	
SYARAT	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓	✓	✓	
KEKOSONGAN TEMPAT	✗	✓	✗	✗	✗	✓	✗	✓	✗	✗	✗	✓	
UJIAN/ TEMU DUGA (JIKA ADA)	-	✗	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
KEPUTUSAN	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓	

**\*Calon yang mengisi 12 pilihan mempunyai peluang yang lebih tinggi**

## HEBAHAN

- 6.1. BKPA, JPT menggunakan laman sesawang/ pautan untuk memaklumkan **status permohonan** dan **keputusan permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, KK dan MARA BPT**.



- 6.2. Hebahan status keputusan permohonan bagi Lepasan SPM adalah melalui **saluran hebahan** seperti berikut:

Laman sesawang/ Pautan	<a href="https://jpt.utm.my">https://jpt.utm.my</a> <a href="https://jpt.uum.edu.my">https://jpt.uum.edu.my</a> <a href="https://jpt.unimas.my">https://jpt.unimas.my</a> <a href="https://jpt.ums.edu.my">https://jpt.ums.edu.my</a> <a href="https://jpt.umt.edu.my">https://jpt.umt.edu.my</a>
Hotline UPU	<b>03- 8684 2363</b>
Aplikasi Mobile	<b>UPUPocket</b>

- 6.3. BKPA, JPT boleh dihubungi untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan di alamat dan talian seperti berikut:-

Alamat	<b>Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi Aras 4, No. 2 Menara 2 Jalan P5/6, Presint 5 62200 W.P. Putrajaya</b>
Talian HOTLINE	<b>(03) 8684 2363</b>
Aplikasi chat	<b>UPUChat</b>
Laman sesawang	<a href="https://upu.mohe.gov.my">https://upu.mohe.gov.my</a>
Media sosial rasmi:	<b>Facebook : Kemasukan BPKP JPT Instagram : kemasukanbkpa Youtube : bkpaUPU Tik Tok : bkpaUPU Telegram : UPUOnline Channel</b>

## Surat Tawaran

- 6.4. Calon hanya akan ditawarkan program pengajian dalam pilihan kecuali bagi tawaran rayuan sahaja
- 6.5. Surat tawaran rasmi dikeluarkan oleh UA, Politeknik, KK dan MARA BPT bermula **sehari (1) selepas hebahan keputusan.**
- 6.6. Calon perlu memuat turun surat tawaran rasmi di Laman Web UA, Politeknik, KK dan MARA BPT mengikut jadual yang ditetapkan.
- 6.7. Calon yang berjaya dikehendaki membuat pengesahan setuju terima tawaran **dalam tempoh sembilan (9) hari** selepas hebahan keputusan.
- 6.8. Calon yang tidak membuat pengesahan terima atau tolak selepas tempoh yang ditetapkan akan dianggap sebagai menolak tawaran.
- 6.9. **Tawaran adalah MUKTAMAD.**

## RAYUAN

- 7.1. Hanya **calon yang gagal** mendapat tawaran ke UA, Politeknik, KK dan MARA BPT atau calon yang mendapat tawaran program pengajian Sijil di Kolej Komuniti yang boleh mengemukakan rayuan dalam **tempoh sepuluh (10) hari** selepas keputusan permohonan kemasukan diumumkan.
- 7.2. Calon yang **mendapat tawaran, menolak tawaran atau tidak membuat pengesahan setuju terima tawaran** dalam **tempoh sembilan (9) hari** selepas hebahan keputusan perdana, tidak akan dipertimbangkan untuk proses rayuan.
- 7.3. Calon dibenarkan mengemukakan empat **(4) pilihan program pengajian** semasa permohonan rayuan dengan pilihan 1 program pengajian bertemu duga dan/ atau ujian hanya berada di Pilihan 1 dan 2 sahaja.
- 7.4. Pilihan program pengajian yang dipaparkan adalah pilihan program pengajian **yang layak syarat am dan syarat khas program pengajian sahaja** serta **masih ada kekosongan** selepas setuju terima tawaran.

- 7.5. Calon boleh mengemaskini maklumat rayuan tanpa sebarang had sehingga tarikh tutup permohonan.
- 7.6. Pengesahan **setuju terima tawaran rayuan** adalah dalam tempoh **empat (4) hari** selepas keputusan rayuan diumumkan.

## TARIKH-TARIKH PENTING

- 8.1. Berikut adalah tarikh-tarikh penting yang berkaitan dengan permohonan kemasukan ke UA, Politeknik, KK dan MARA BPT bagi **Program Pengajian Lulusan SPM Sesi Akademik 2025/2026**:

PERKARA	TARIKH
Fasa Permohonan Pertama	10 Februari – 14 Mac 2025
Fasa Permohonan Kedua	14 April – 18 Mei 2025
Temu duga dan Ujian	April – Mei 2025
Fasa Pengemaskinian UPUOnline®	Minggu ke-2 Mei 2025
Hebahan Keputusan Perdana	Minggu ke-3 Jun 2025
Permohonan Rayuan	Minggu ke-3 Jun 2025
Pendaftaran Pelajar Baharu	Minggu pertama Julai 2025
Hebahan Keputusan Rayuan	Minggu ke-4 Julai 2025
Pendaftaran Pelajar Baharu - Rayuan	Minggu pertama Ogos 2025

**\*Tertakluk kepada perubahan**

## CONTOH PENGIRAAN MARKAH MERIT

### KATEGORI A & KATEGORI B

#### A. Kaedah Penyediaan Merit SPM (STEM A)

Calon Pakej STEM A mengambil 9 Mata Pelajaran

BIL.	MATA PELAJARAN	GRED
1.	Bahasa Melayu	A+
2.	Bahasa Inggeris	A
3.	Pendidikan Islam	A+
4.	Sejarah	A+
5.	Matematik	A+
6.	Matematik Tambahan	A
7.	Fizik	A+
8.	Kimia	A
9.	Biologi	A-

$$\text{Markah Akademik} = \frac{\text{Markah Mata Pelajaran Universal} + \text{Markah Mata Pelajaran Pakej} + \text{Markah Mata Pelajaran Terbaik}}{80} \times 90$$

$$\text{Markah MP Universal} = \frac{(18+16+18+18)}{72} \times 40 = 38.89$$

$$\text{Markah MP Pakej} = \frac{(18+16)}{36} \times 30 = 28.33$$

$$\text{Markah MP Terbaik} = \frac{(16+18)}{36} \times 10 = 9.44$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Markah Akademik} &= \frac{\text{Markah Akademik}}{80} \times 90 \\ &= \frac{(38.89 + 28.33 + 9.44)}{80} \times 90 = \mathbf{86.24} \end{aligned}$$

**Markah Merit calon ialah Markah Akademik + Markah Kokurikulum**

- Markah Akademik = 86.24
- Markah Kokurikulum = 7

**Markah Merit = 86.24 + 7**  
**= 93.24**

**B. Kaedah Penyediaan Merit SPM (STEM B)**

Calon Pakej STEM B mengambil 10 Mata Pelajaran

BIL.	MATA PELAJARAN	GRED
1.	Bahasa Melayu	A+
2.	Bahasa Inggeris	B
3.	Pendidikan Moral	B-
4.	Sejarah	A+
5.	Matematik	A-
6.	Matematik Tambahan	B
7.	Fizik	A-
8.	Kimia	A-
9.	Lukisan Kejuruteraan	A
10.	Pengajian Kejuruteraan Awam	A+

**Markah Akademik** = Markah Mata Pelajaran Universal + Markah Mata Pelajaran Pakej + Markah Mata Pelajaran Terbaik x 90

80

Markah MP Universal =  $\frac{(16+10+14+18)}{72} \times 40 = 32.22$

Markah MP Pakej =  $\frac{(18+16)}{36} \times 30 = 28.33$

Markah MP Terbaik =  $\frac{(14+14)}{36} \times 10 = 7.78$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Markah Akademik} &= \frac{\text{Markah Akademik}}{80} \times 90 \\ &= \frac{(32.22 + 28.33 + 7.78)}{80} \times 90 = 76.87 \end{aligned}$$

**Markah Merit calon ialah Markah Akademik + Markah Kokurikulum**

- Markah Akademik = 76.87
- Markah Kokurikulum = 8.5

$$\begin{aligned} \text{Markah Merit} &= 76.87 + 8.5 \\ &= 85.37 \end{aligned}$$

### C. Kaedah Penyediaan Merit SPM (STEM C)

Calon Pakej STEM C mengambil 7 Mata Pelajaran

BIL.	MATA PELAJARAN	GRED
1.	Bahasa Melayu	A
2.	Bahasa Inggeris	B
3.	Pendidikan Islam	A
4.	Sejarah	A-
5.	Matematik	B+
6.	Sains	A+
7.	Produksi Reka Tanda	A-

$$\begin{aligned} \text{Markah Akademik} &= \frac{\text{Markah Mata Pelajaran Universal} + \text{Markah Mata Pelajaran Pakej} + \text{Markah Mata Pelajaran Terbaik}}{80} \times 90 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Markah MP Universal} &= \frac{(16+10+12+14)}{72} \times 40 = 28.89 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Markah MP Pakej} &= \frac{18}{30} \times 30 = 23.33 \end{aligned}$$

18

$$\text{Markah MP Terbaik} = \frac{(18+16)}{18} \times 10 = 9.44$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Markah Akademik} &= \frac{\text{Markah Akademik}}{80} \times 90 \\ &= \frac{(28.89 + 23.33 + 9.44)}{80} \times 90 = \mathbf{69.37} \end{aligned}$$

**Markah Merit calon ialah Markah Akademik + Markah Kokurikulum**

- Markah Akademik = 69.37
- Markah Kokurikulum = 9.5

$$\begin{aligned} \text{Markah Merit} &= 69.37 + 9.5 \\ &= \mathbf{78.87} \end{aligned}$$

#### **D. Kaedah Penyediaan Merit SPM (KSI)**

Calon Pakej KSI mengambil 8 Mata Pelajaran

BIL.	MATA PELAJARAN	GRED
1.	Bahasa Melayu	A
2.	Bahasa Inggeris	B
3.	Pendidikan Islam	B
4.	Sejarah	A+
5.	Matematik	A-
6.	Sains	B
7.	Ekonomi	A-
8.	Prinsip Perakauan	A+

$$\text{Markah Akademik} = \frac{\text{Markah Mata Pelajaran Universal} + \text{Markah Mata Pelajaran Pakej} + \text{Markah Mata Pelajaran Terbaik}}{80} \times 90$$

$$\text{Markah MP Universal} = \frac{(16+10+14+18)}{72} \times 40 = 32.22$$

$$\text{Markah MP Pakej} = \frac{(14+18)}{36} \times 30 = 26.67$$

$$\text{Markah MP Terbaik} = \frac{(10+10)}{36} \times 10 = 5.56$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Markah Akademik} &= \frac{\text{Markah Akademik}}{80} \times 90 \\ &= \frac{(32.22 + 26.67 + 5.56)}{80} \times 90 = \mathbf{72.51} \end{aligned}$$

**Markah Merit calon ialah Markah Akademik + Markah Kokurikulum**

- Markah Akademik = 72.51
- Markah Kokurikulum = 9.5

$$\begin{aligned} \text{Markah Merit} &= 72.51 + 9.5 \\ &= \mathbf{82.01} \end{aligned}$$